



## Soalan Lazim

S1. Apakah kegunaan fail [licensev2.exe](#)?

Setelah memuat turun dan melancarkan fail [licensev2.exe](#) dalam program komputer anda, ia akan menghubungkan fail perisian MYOB ke pelayan (server) lesen yang baru dengan selamat.

S2. Apakah pengaktifan fail syarikat?

Pengaktifan fail syarikat adalah proses pengesahan berkala dalam talian untuk mengesahkan perisian MYOB yang digunakan adalah tulen. Proses ini dipaparkan oleh program perisian yang aktif dan sedang digunakan, untuk mengesahkan butir-butir lesen program (nombor siri) manakala kod diberikan kepada anda untuk melengkapkan proses pengaktifan.

S3. Seberapa kerap Perisian MYOB meminta untuk pengaktifan?

Hanya SEKALI sahaja proses pengaktifan dilakukan untuk fail syarikat yang baru ditubuhkan. Selepas itu, perisian MYOB anda akan meminta untuk disahkan secara berkala.

Proses pengesahan ini akan berulang antara 30 hari sehingga 12 Bulan sama seperti kali pertama melakukan pengaktifan.

S4. Adakah sebarang penukaran terhadap proses pengaktifan yang sedia ada?

Tiada penukaran terhadap proses pengaktifan dan pengesahan fail syarikat. Anda boleh memilih untuk mengaktifkan fail syarikat secara dalam talian atau dengan hubungi nombor hotline yang dipaparkan pada produk anda. Kedua-dua cara ini mengambil masa kurang dari 2 minit.



S5. Seberapa kerap saya perlu memuat naik dan melancarkan [licensev2.exe](#) ini?

Berita baik, anda hanya perlu memuat turun [licensev2.exe](#) ini sekali sahaja ke dalam folder program MYOB yang asal.

Jika anda beroperasi menggunakan Server Terminal yang menjadi hos program fail MYOB, maka anda perlu memuat turun dan melancarkan fail [licensev2.exe](#) dalam server terminal.

Walau bagaimanapun, jika anda memindahkan instalasi MYOB ke komputer baru, maka anda perlu memuat turun fail [licensev2.exe](#) ke lokasi yang sama didalam komputer baru.

S.6 Apakah yang berlaku apabila saya memuat turun dan melancarkan fail [licensev2.exe](#)?

Tiada perubahan yang akan berlaku sehingga tarikh akhir proses pengesahan yang seterusnya. Apabila perisian MYOB anda memaparkan untuk pengesahan semula, [licensev2.exe](#) (yang telah Berjaya dimuat turun) akan mengarahkan proses ini terus kepada server keselamatan yang baru.

Semua pengesahan yang berikutnya atau mana-mana pengaktifan fail baru akan berlaku secara automatik melalui server baru juga.

S7. Apakah yang berlaku jika saya tidak memuat turun dan melancarkan fail [licensev2.exe](#) ?

Tiada perubahan yang akan berlaku sehingga tarikh akhir proses pengesahan yang seterusnya. Apabila perisian MYOB anda meminta untuk pengesahan semula, dan jika fail [licensev2.exe](#) anda tidak dimuat turun dan dilancarkan lagi, maka fail data anda akan menjadi "Read Only" (tidak aktif).

S8. Adakah saya masih boleh melakukan pengaktifan dan pengesahan semula terhadap perisian MYOB tanpa memuat turun [licensev2.exe](#)?

Bermula 6<sup>hb</sup> Febuari 2017, jika fail [licensev2.exe](#) tidak dimuat turun ke dalam folder program MYOB di komputer anda dan apabila proses pengesahan MYOB fail syarikat yang seterusnya, anda masih dibenarkan untuk membuat pengaktifan atau pengesahan MYOB fail syarikat secara manual dengan menghubungi nombor talian yang tertera di dalam perisian MYOB.



Walaupun bagaimanapun, jika anda ingin memastikan MYOB fail syarikat anda sentiasa dilindungi dalam membuat pengesahan secara dalam talian, anda dinasihatkan untuk memuat turun dan melancarkan fail [licensev2.exe](#).

S9. Jika saya mempunyai lebih dari satu versi, berapa banyak kali saya perlu memuat turun fail [licensev2.exe](#) ?

Untuk semua perisian MYOB Premier dan Accounting, jika anda mempunyai lebih dari satu versi, anda perlu memastikan fail [licensev2.exe](#) dimuat turun dan dilancarkan pada setiap versi MYOB folder yang berasingan.

S10. Bagaimana saya boleh mendapatkan bantuan untuk perkara ini?

- Kami menyediakan video panduan untuk memuat turun dan melancarkan fail [licensev2.exe](#) secara dalam talian.
- Hubungi talian bebas tol yang disediakan di dalam perisian MYOB untuk membuat proses pengaktifan secara manual dan ikuti langkah yang disediakan.

Atau

- Hubungi talian perkhidmatan pelanggan abss di Malaysia pada nombor talian +60379890599 (waktu pejabat) untuk berhubung dengan Pegawai perkhidmatan pelanggan kami untuk mendapatkan bantuan.

S11. Apa yang berlaku jika anda menaik taraf/menukar computer?

- Jika anda memindahkan perisian MYOB ke Komputer baru, anda perlu memuat turun dan melancarkan semula [licensev2.exe](#).



## Untuk pelanggan yang menggunakan windows 8, 8.1 dan 10

S12. Apa yang perlu dilakukan jika/ bila mengalami mesej seperti di bawah pada komputer anda?

Sila pilih *"Download and install this feature"* untuk meneruskan. Apabila NET 3.5 framework dihidupkan, pengguna akan dapat melancarkan fail `licensev2.exe` dengan Berjaya.

